

# **KONTIGEN UniMAP CEMERLANG DI KEJOHANAN SUKAN BADAN BERKANUN**

Bermula 28 April sehingga 3 Mei 2009, telah berlangsung Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia yang diadakan di Langkawi di mana Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah dipilih sebagai tuan rumah pada edisi kali ini. Kejohanan kali ke-6 ini telah menghimpunkan sebanyak 5000 atlit dari 58 agensi di seluruh negara. Kejohanan kali ini mempertandingkan lebih dari 10 acara antaranya golf, futsal wanita dan lelaki veteran, tenis, ping pong, bola sepak 9 sebelah, karom dan badminton. Acara lain yang dipertandingkan ialah bola tampar pantai lelaki dan wanita, bola jaring, boling padang dan tenpin boling.

Kontingen UniMAP telah menghantar kontinjen seramai 106 orang atlet dan juga pegawai kejohanan pada edisi ini yang diketuai oleh Prof. Madya Mazelan Abd Hamid sebagai Ketua Kontinen UniMAP. Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Y.Bhg. Brig.Jen.Dato' Prof Dr Kamaruddin Bin Hussin sendiri telah turun padang memberi sokongan kepada atlet-atlet UniMAP . Y. Bhg. Naib Canselor juga berkesempatan mengadakan Jamuan Makan Malam bersama para atlet bagi menghargai jasa dan penat lelah yang telah diberikan oleh mereka.

Kontinen UniMAP kali ini tampil lebih 'garang' dengan menjuarai acara utama iaitu bola sepak 9 sebelah, Golf dan Futsal Veteran. Dalam acara bola sepak 9 sebelah, UniMAP muncul sebagai johan pertandingan setelah berjaya mengalahkan pasukan KADA dengan jaringan penalti 2-0 pada perlawanan akhir yang turuk disaksikan oleh YB Ahli Parlimen Langkawi.. Manakala bagi Futsal veteran lelaki pasukan UniMAP berjaya mengalahkan pasukan UiTM dengan jaringan 2-0 pada perlawanan akhir. Paling menonjol adalah pasukan boling padang lelaki UniMAP yang mendapat pingat Perak dalam acara berpasukan setelah tewas kepada Agrobank dalam perlawanan akhir. Bagi acara Futsal wanita dan Bola Tampar pantai lelaki UniMAP sekadar menduduki tempat ke 3 dan 4 sahaja. Sementara itu dalam perlawanan badminton pasukan UniMAP hanya sekadar mendapat tempat ketiga setelah memenangi perlawanan dengan pasukan MSN untuk merebut ke tempat 3 dan 4 kejohanan. Secara keseluruhannya, Kontinen UniMAP menduduki tempat ke-3 daripada 58 pasukan yang bertanding. Berikut adalah senarai penyertaan dan keputusan penuh Kontigen UniMAP:

BIL	JENIS SUKAN	PENCAPAIAN
1.	Bola Sepak 9 Sebelah	Johan
2.	Badminton	Ke-3
3.	Tenpin Boling Campuran	-
4.	Golf	Johan
5.	Bola Tampar Pantai (L)	Ke-4
6.	Bola Tampar Pantai (W)	-
7.	Bowling Padang Campuran	Naib Johan
8.	Futsal Wanita	Ke-3
9.	Futsal Veteran	Johan